

LAMPIRAN 1

Term of Reference (ToR)

1. Mematuhi etika pembekal MPC.
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut jadual program yang ditetapkan.
3. Kadar bayaran sebagai Tenaga Pengajar adalah **RM2,000/hari** dan projek perlu dilaksanakan tidak kurang 6 jam sehari.
4. Bersetuju untuk tidak mengedar dan berkongsi data serta maklumat pelanggan dengan pihak-pihak lain. Tenaga Pengajar perlu menjaga kerahsiaan maklumat MPC dan syarikat pelanggan.
5. Bayaran akan dibuat mengikut fasa projek yang akan ditawarkan. Jadual pembayaran adalah seperti di Lampiran 2
6. Tenaga Pengajar perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan nota untuk tujuan latihan & perundingan.
7. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan.
8. Tenaga Pengajar hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula.
9. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa (Laporan Kemajuan Projek Pembangunan Sistem Mengikut Fasa – MPC(ISO) C8/P6/F.07 & Borang Penilaian Program Pembangunan Sistem Mengikut Fasa – MPC(ISO)C8/P6/F.08) yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois dan LPO** kepada pegawai petugas MPC. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut.

10. Bayaran yang ditawarkan adalah meliputi bayaran professional, kos pengangkutan, kos perjalanan, kos penginapan dan lain-lain kos yang berkaitan.
11. Tenaga Pengajar perlu menyediakan laporan kepada pelanggan bagi setiap aktiviti yang telah dilaksanakan di premis pelanggan dan laporan penuh setelah program tamat sepenuhnya.
12. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi.

LAMPIRAN 2**JADUAL BAYARAN BERFASA**

Bil	Aktiviti	Unit	Kadar/Unit (RM)	Jumlah Bayaran (RM)
1.	Kursus Pengenalan ICC dan Alat QC	4 Hari	2,000	8,000
<i>Jumlah Bayaran Fasa 1</i>				8,000
3.	Khidmat Nasihat 1,2 & 3	3 Hari	2,000	6,000
<i>Jumlah Bayaran Fasa 2</i>				6,000
4.	Khidmat Nasihat 4 & 5	2 Hari	2,000	4,000
<i>Jumlah Bayaran Fasa 3</i>				4,000
5.	Khidmat Nasihat 6 & 7	2 Hari	2,000	4,000
<i>Jumlah Bayaran Fasa 4</i>				4,000
<i>JUMLAH KESELURUHAN</i>				22,000.00